



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : AMALAN IKHTISAS
KOD MATA PELAJARAN : BPE 3422
KURSUS : 4 BPD
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN
SAHAJA DARIPADA TUJUH (7)
SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 MUKA SURAT

- S1 (a) Apakah yang anda faham tentang konsep profesionalisme dan etika profesional?
(10 markah)
- (b) Jelaskan kriteria-kriteria penting yang perlu ada pada seseorang individu untuk melayakkannya sebagai seorang profesional harta tanah.
(15 markah)
- S2 (a) Huraikan secara ringkas **dua** perkara berikut:
- (i) Teori Keperibadian Mulia
 - (ii) Teori Wajiban
 - (iii) Relativisme Etika
 - (iv) Pluralisme Etika
- (10 markah)
- (b) Terangkan mengapa penting bagi seseorang profesional mengetahui serta perlu mengaplikasikan teori etika dalam kehidupan profesional dan peribadinya.
(15 markah)
- S3 Kesamaan peluang sering diperkatakan dalam membincangkan perkhidmatan yang diberikan oleh golongan profesional masa kini. Bincangkan aspek-aspek yang perlu diambil kira oleh seseorang profesional semasa memberi perkhidmatan dengan memberi penekanan kepada kesamaan peluang bagi klien dan juga profesion.
(25 markah)
- S4 (a) Nyatakan secara ringkas definisi kod etika bagi sesuatu organisasi atau badan profesional.
(5 markah)
- (b) Terangkan perkara-perkara yang dititikberatkan dan menjadi inti pati di dalam sesuatu kod etika tersebut.
(20 markah)

- S5 (a) Berikan hujah mengapa golongan profesional perlu diberikan autonomi profesional. (10 markah)
- (b) Oleh kerana terdapat kelemahan pemakaian konsep peraturan sendiri di kalangan badan profesional, beberapa pendekatan baru telah diperkenalkan. Terangkan bagaimana pendekatan-pendekatan ini dapat menghalang atau menghukum salah laku di kalangan profesional. (15 markah)

S6 A telah meminta perkhidmatan B, seorang penilai harta tanah untuk membuat penilaian ke atas sebuah rumah banglo untuk tujuan pembelian. Semasa lawat periksa harta dibuat, B mendapati terdapat beberapa retakan halus yang jelas kelihatan pada lantai ruang makan rumah tersebut. Walau bagaimanapun, B tidak menyatakan keadaan lantai tersebut dalam laporan penilaiannya. Selang beberapa bulan selepas A membeli rumah tersebut, retakan pada lantai berkenaan telah membesar sehingga menyebabkan sebahagian lantai dan kemasannya pecah serta memerlukan pembaikan dengan kos yang agak mahal.

Berdasarkan kepada fakta kes di atas:

- (a) Nyatakan perkara-perkara yang perlu dibuktikan oleh A sekiranya dia ingin mengambil tindakan mahkamah terhadap B. (5 markah)
- (b) Apakah aspek-aspek kecuaiian profesional yang telah dilakukan oleh B semasa memberikan perkhidmatan kepada A? (5 markah)
- (c) Dalam keadaan apakah B akan terlepas atau dihadkan tanggungjawab profesionalnya terhadap kecuaiian perkhidmatan yang diberikan kepada A? (5 markah)
- (d) Terangkan **lima** panduan atau aktiviti yang digariskan dalam kes *Singer & Friedlander v John D Wood & Co* yang perlu diambil kira oleh seseorang penilai apabila membuat penilaian terhadap sesebuah harta tanah. (10 markah)

S7 Selain melaksanakan tugas-tugas berkaitan dengan profesionnya, seseorang profesional harta tanah akan berhadapan dengan situasi yang memerlukan menjalankan tugas-tugas sampingan sebagai seorang Pengurus, Perunding serta Penasihat dan Saksi Pakar. Bincangkan skop dan bidang tugas tersebut.

(25 markah)